



KENYATAAN MEDIA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC KETIDAKPATUHAN PROSES KELULUSAN PERMOHONAN BOT KENKA DAN PERMOHONAN PERTUKARAN ZON OLEH DOF

UNTUK SIARAN SEGERA
7 JULAI 2025

EAIC telah menerima aduan terhadap terhadap Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) berkaitan dengan tindakan meluluskan permohonan melibatkan bot kenka dan permohonan pertukaran zon yang dikatakan tidak mengikut ketetapan syarat/ pekeliling pelesenan serta bercanggah dengan dasar perikanan sedia ada. Siasatan ini dijalankan berdasarkan kepada aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

HASIL SIASATAN

Siasatan mendapati terdapat tindakan oleh DOF dalam meluluskan pertukaran hak milik vesel nelayan yang tidak mematuhi dasar dan syarat yang telah ditetapkan oleh jabatan itu sendiri.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan ini kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan syor berikut:

- (i) Surat teguran diberikan kepada Ketua Jabatan untuk memastikan pematuhan ke atas dasar dan syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan; dan
- (ii) pihak DOF menyemak semula kelulusan yang telah diberikan kepada vesel-vesel yang terlibat bagi memastikan ketelusan dan pematuhan kepada pekeliling sedia ada.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**